

29 JUL 2002
Mahathir-gaji
SISTEM SARAAAN MALAYSIA GANTI SSB 1 NOV

PUTRAJAYA, 29 Julai (Bernama) -- Sistem Saraan Baru (SSB) akan digantikan dengan Sistem Saraan Malaysia (SSM) mulai 1 Nov ini yang bersandarkan kepada peningkatan kecekapan dan pengetahuan kakitangan perkhidmatan awam untuk tujuan pengembangan kerjaya dan peningkatan saraan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengumumkan demikian hari ini, berkata SSM digubal dengan mengambil kira perasaan tidak puas hati kakitangan awam terhadap SSB berhubung penilaian prestasi pekerja oleh ketua jabatan.

Bercakap paa persidangan media selepas bertemu wakil-wakil Cuepacs dan Jabatan Perkhidmatan Awam berhubung semakan SSB di pejabatnya di sini hari ini, Perdana Menteri berkata SSM akan memperkenalkan kaedah dan unsur penilaian tahap kecekapan melalui peperiksaan atau kursus yang diwajibkan kepada semua anggota perkhidmatan awam bagi menentukan kemajuan kerjaya dan kemajuan gaji tahunan, selain laporan penilaian prestasi tahunan serta perakuan ketua jabatan.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Gaji dan Jawatan Kakitangan Sektor Awam, berkata kerajaan bersetuju mengubahsuai Sistem Penilaian Prestasi yang ada dengan menubuhkan Panel Pembangunan Sumber Manusia di setiap jabatan.

Semua kakitangan awam akan diberikan opsyen sama ada memilih SSM atau kekal di bawah SSB, dalam tempoh sebulan sebelum SSM dilaksanakan.

Perdana Menteri juga mengumumkan semua anggota perkhidmatan awam akan diberi Bayaran Khas SSM iaitu RM220 bagi Kumpulan Sokongan, RM350 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan RM650 bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

"Bayaran ini diberikan sekali sahaja dan dibayar pada bulan November," kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

Perdana Menteri berkata bagi tahun 2003, semua kakitangan akan hanya diberikan pergerakan gaji biasa.

Anjakan gaji berdasarkan Penilaian Tahap Kecekapan yang dihasilkan dalam tahun 2003, akan dilaksanakan mulai tahun 2004, katanya.

Perdana Menteri berkata bersesuaian dengan SSM, pindaan akan dilakukan pada mata gaji supaya terdapat peningkatan iaitu RM15 bagi Kumpulan Sokongan, RM65 (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) serta RM110 bagi kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Beliau berkata dengan pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan, Jadual Gaji Matriks bagi semua gred kenaikan pangkat diubahsuai kepada dua peringkat sahaja.

SSM akan memperkenalkan dua cara pergerakan gaji iaitu Pergerakan Gaji Biasa dan Anjakan Gaji berbanding tiga peringkat di bawah SSB.

"Kerajaan juga bersetuju supaya ditambah satu matagaji kepada matagaji maksimum bagi semua jadual gaji," katanya.

Dr Mahathir berkata kadar elaun dan kemudahan juga akan diselaraskan kepada satu kadar sahaja bagi setiap gelaran gred baru.

Mengenai Anugerah Khidmat Cemerlang, beliau berkata ia tidak lagi akan dikaitkan dengan pergerakan gaji tahunan anggota dan mereka yang menerima anugerah itu akan diberi imbuhan RM1,000.

Perdana Menteri berkata bersesuaian dengan SSM, pindaan akan dilakukan pada mata gaji supaya terdapat peningkatan iaitu RM15 bagi Kumpulan Sokongan, RM65 (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) serta RM110 bagi kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Beliau berkata dengan pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan, Jadual Gaji Matriks bagi semua gred kenaikan pangkat diubahsuai kepada dua peringkat sahaja.

SSM akan memperkenalkan dua cara pergerakan gaji iaitu Pergerakan Gaji Biasa dan Anjakan Gaji.

"Kerajaan juga bersetuju supaya ditambah satu matagaji kepada matagaji maksimum bagi semua jadual gaji," katanya.

Dr Mahathir berkata kadar elaun dan kemudahan juga akan diselaraskan kepada satu kadar sahaja bagi setiap gelaran gred baru.

Mengenai Anugerah Khidmat Cemerlang, beliau berkata ia tidak lagi akan dikaitkan dengan pergerakan gaji tahunan anggota dan mereka yang menerima anugerah itu akan diberi imbuhan RM1,000.

Dr Mahathir berkata bagi memperbaiki kemajuan kerjaya kakitangan awam, lima lapisan gred kenaikan pangkat tambahan akan diwujudkan.

Katanya pelaksanaan SSM akan melibatkan tambahan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM302.58 juta bagi tahun ini, RM600.76 juta (tahun depan); RM719.25 juta (tahun 2004), RM846.13 juta (tahun 2005) dan RM976.86 juta pada tahun 2006.

Perbelanjaan bagi tahun keenam pelaksanaan dijangka meningkat kira-kira RM1 bilion dan akan terus meningkat pada tahun berikutnya.

SSB diperkenalkan pada 1 Jan 1992 bagi menggantikan skim perkhidmatan di bawah Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet (JKK I dan II) sejak 1976.

Bagaimanapun setelah beberapa tahun dilaksanakan, SSB menimbulkan rasa kurang puashati di kalangan kakitangan awam terutama berhubung kenaikan gaji dan pangkat.

Mengikut sistem matriks dalam SSB, hanya lima peratus anggota perkhidmatan awam layak menerima pergerakan gaji secara menegak dan melintang setiap tahun.

Pada masa ini, kira-kira 950,000 kakitangan awam di seluruh negara adalah di bawah SSB. Di bawah SSB, kakitangan awam telah menerima kenaikan dan pelarasan gaji 10 peratus pada tahun 1995, 2000 dan awal tahun ini.

Semakan semula SSB dilakukan sejak awal tahun lepas.

Ditanya mengenai anggapan ramai bahawa semakan semula SSB akan menyebabkan berlaku kenaikan gaji untuk kakitangan awam, Dr Mahathir berkata SSM bukanlah soal kenaikan gaji sebaliknya ia adalah susunan perkhidmatan yang baru.

"Bila susun baru, kita terpaksa tentukan ia tidak bercanggah dan tentukan ia adalah selaras. Ia kebetulan, bukan bertujuan hendak naikan (gaji) tiada niat langsung untuk naik gaji pun tetapi apa boleh buat kena tambah jugalah (gaji ekor pelarasan)," katanya.

Beliau berkata pelaksanaan SSM itu juga akan melibatkan beban kewangan sebanyak lima peratus daripada jumlah keseluruhan RM20 bilion perbelanjaan emolumen tahunan.

Ditanya sama ada pertukaran sistem saraan kakitangan awam itu merupakan satu berita gembira kepada kakitangan awam dan satu petunjuk bahawa pilihan raya umum akan diadakan tidak lama lagi, Perdana Menteri berkata: "Semuanya menguntungkan. Kita percaya kita masih boleh menang. Mungkin pada masa akan datang akan ada perkara lebih baik lagi."

Mengenai bila pilihan raya akan diadakan, beliau berkata: "Tidak lama lagi antara sekarang dan 2005."

Mengenai keyakinannya terhadap SSM boleh menghasilkan kakitangan awam yang lebih cekap dan berpengetahuan, Dr Mahathir berkata saraan baru itu adalah hasil rundingan Cuepacs serta JPA dan hasratnya ialah untuk membolehkan pekerja meningkatkan kompetensi dan mendalami pengetahuan.

Beliau yakin kakitangan awam akan menerimanya kerana ia adalah lebih baik daripada SSB.

-- BERNAMA

HS ZS RON